

**Manifesto BN Menggambarkan Kesungguhan Kepimpinan Perdana Menteri Bernama
8 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Manifesto Barisan Nasional (BN) dilihat lebih konkrit dan menggambarkan kesungguhan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepada rakyat.

Anggota Dewan Negara mewakili masyarakat Siam Senator Datuk Boon Som Inong berkata manifesto BN memenuhi harapan dan impian masyarakat di negara ini kerana ia merangkumi segenap lapisan umur, jantina, bangsa, agama dan seluruh kawasan.

"Saya percaya manifesto BN itu akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat termasuk masyarakat Siam yang juga diiktiraf sebagai bumiputera oleh kerajaan.

"Saya yakin masyarakat Siam dimasukkan ke dalam program mempertingkatkan agenda bumiputera menerusi penyediaan peluang perniagaan, ekosistem yang kukuh contohnya, kemudahan pinjaman dan latihan serta sokongan institusi," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, Isnin.

Boon Som berharap pengiktirafan masyarakat Siam sebagai bumiputera direalisasikan pada semua peringkat jentera pelaksanaan kerajaan, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Selain itu, saya mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula kedudukan Sijil Pertanian Siam di Kedah bagi memudahkan masyarakat Siam negeri itu menerokai dan memiliki tanah untuk mempertingkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Beliau berharap kerajaan akan mengambil langkahewartakan tanah-tanah yang didirikan rumah ibadat, termasuk Wat Siam di seluruh negara, sejajar dengan hasrat menaikkan pengecualian cukai untuk sumbangan ke atas pembinaan, pembesaran dan pemuliharaan rumah-rumah ibadat serta meneruskan peruntukan tanah untuk pembinaan rumah ibadat.

Boon Som juga menyarankan kepada kerajaan agar meneruskan bantuan kewangan untuk sekolah bahasa Siam yang didirikan di wat-wat Siam di seluruh negara, sejajar dengan jaminan kebebasan untuk semua rakyat mengamalkan bahasa dan budaya kaum masing-masing.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940524>